

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 11 April 2016 17:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SENTUHAN LENSA JURUFOTO TANPA SEMPADAN



11 APRIL 2016 / 03 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SENTUHAN LENSA JURUFOTO TANPA SEMPADAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Kongsikan foto-foto yang bernilai dan memahat sejarah untuk diperhalusi oleh jurufoto profesional. Inilah masanya untuk mengenengahkan hasil foto yang berkualitii dan kreatif di samping melebarkan bakat sedia ada.

Di sebalik foto terbaik, pasti ada pemerhatian membina malahan bagi peminat fotografi tanahair mereka tidak akan melepaskan peluang untuk Discover UUM.

Menurut Penceramah profesional Bengkel Fotografi anjuran Unifilm Studio UUM, Mohd Rizal Ismail,

“UUM sebuah tempat yang bermaklumat dan Welcome Centre amat selesa untuk pengunjung”.

Beliau yang ditemui semasa menghalusi seni foto yang terpamer di Galeri Welcome Centre menzahirkan rasa bangga dengan kreativiti jurufoto UUM dan berharap selagi mereka ada bakat, hendaklah ditonjolkan supaya seni mereka sentiasa dihayati umum. Turut hadir mengiringi beliau, Pengarah Unifilm Studio UUM, Cik Bahiyah Md. Idris.

Suara lensa 15 orang jurufoto yang berada di kampus mengukir sejarah tersendiri dan kehadiran mereka memberi erti yang besar bahawa universiti di rimba hijau terdapat khazanah yang boleh dipromosikan ke seluruh dunia hanya melalui sentuhan lensa.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

